



**PEJABAT DAERAH /TANAH
KLANG**

DOKUMEN SEBUT HARGA

Tajuk Sebut Harga :
**PERKHIDMATAN MENGURUS KAFETERIA
DAN MENYEDIAKAN MAKANAN BERMASAK ISLAM DI
PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

NO SEBUT HARGA: PDK / KP / 10 / 2022

Kontraktor :
(Cop kontraktor)

HARGA DOKUMEN : PERCUMA
TARIKH BUKA SEBUT HARGA : 23 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)
TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : 07 OKTOBER 2022 (JUMAAT)
Jam 12.00 Tengahari

PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG
TINGKAT 1, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
JALAN KOTA, 41902 KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
Tel: 03-33711963, Faks: 03-33732766
www.selangor.gov.my/klang

***Untuk Kegunaan Jabatan

BIL. SEBUT HARGA / TENDER :		
T/Tangan : Tarikh :	T/Tangan : Tarikh :	T/Tangan : Tarikh :

ISI KANDUNGAN

Dokumen Sebut Harga ini mengandungi perkara-perkara berikut:

A. DOKUMEN SEBUT HARGA	MUKA SURAT
i. Senarai Semak Dokumen Sebut Harga	3 – 4
ii. Arahan Kepada Sebut Harga	6 – 13
iii. Syarat-Syarat Am Sebut Harga	14 – 24
B. BORANG SEBUT HARGA	
i. Jadual Tawaran Harga (Lampiran H)	26 – 31
ii. Borang Maklumat Penyebut Harga (Lampiran I)	32 – 33
iii. Surat Akuan Pembida (Lampiran K)	34
iv. Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran L)	35
v. Arahan Perbendaharaan 170 (Lampiran Q)	36
vi. Pematuhan Spesifikasi (Lampiran M)	38 – 42
vii. Pematuhan Skop Kerja (Lampiran N)	43 – 58
viii. Senarai Pengalaman Kerja (Lampiran P)	59
ix. Profil Syarikat (Lampiran S)	60

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN SEBUTHARGA

**PERKHIDMATAN MENGURUS KAFETERIA
DAN MENYEDIAKAN MAKANAN BERMASAK ISLAM DI PEJABAT DAERAH/TANAH
KLANG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN
– NO.SEBUT HARGA: PDTK / KP / 10 / 2022**

Sila tandakan bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan.

BIL	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan LAMPIRAN A * Tawaran Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan LAMPIRAN B * Tawaran Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan. LAMPIRAN C	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor. LAMPIRAN D	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera dari Pusat Khidmat Kontraktor. LAMPIRAN E	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia. LAMPIRAN F * Tawaran Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB. LAMPIRAN G	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Borang Harga Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan ditandatangani). LAMPIRAN H * Tawaran Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Borang Maklumat Penyebut Harga LAMPIRAN I * Tawaran Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Yang Telah Disahkan Oleh Bank bagi tiga (3) Bulan Terakhir (Jun, Julai & Ogos 2022). LAMPIRAN J * Tawaran Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Surat Akuan Pembida perlu ditandatangani LAMPIRAN K * Tawaran Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

12.	Surat Perwakilan Kuasa perlu ditandatangani LAMPIRAN L * Tawaran Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13.	Pematuhan Kepada Spesifikasi JADUAL M* Tawaran Teknikal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14.	Pematuhan Kepada Skop Kerja JADUAL N* Tawaran Teknikal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15.	Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) jika berkaitan. LAMPIRAN O	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
16.	Senarai Pengalaman Kerja LAMPIRAN P * Tawaran Teknikal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
17.	Arahan Perbendaharaan 170 LAMPIRAN Q * Tawaran Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
18.	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) LAMPIRAN R	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
19.	Profil Syarikat (wajib disertakan) LAMPIRAN S * Tawaran Teknikal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan:

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)

Tandatangan:.....

Nama:

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan:.....

Nama:

Jawatan :

Tarikh :

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1.1 Kelayakan Penyebut Harga

Penyebut Harga hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan mestilah mempunyai kepala atau kod bidang di dalam skop kerja yang terlibat. Penyebut Harga yang tidak mempunyai kepala atau kod bidang tersebut, dokumen Sebut Harganya akan ditolak.

Bertaraf Bumiputera

Kementerian Kewangan

Kod Bidang

- 040101 : Makanan Dan Bahan Mentah Kering/Basah; dan
- 040102 : Makanan Dan Minuman (tin, botol dan bungkus); dan
- 040103 : Makanan Bermasak (Islam)

1.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti jadual di Senarai Semakan Dokumen iaitu termasuk semua lampiran-lampiran yang telah dilengkapi berserta dokumen-dokumen sokongan di perkara:

- i) Tawaran Harga
- ii) Tawaran Teknikal
- iii) Profil Syarikat

Dokumen-dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dicatatkan tajuk dan nombor Sebut Harga pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat tersebut dengan tajuk seperti berikut:

“PERKHIDMATAN MENGURUS KAFETERIA DAN MENYEDIAKAN MAKANAN BERMASAK ISLAM DI PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

– NO.SEBUT HARGA: PDK / KP / 10 / 2022” dan dikembalikan ke alamat:

PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG
TINGKAT 1, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
JALAN KOTA
41902 KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN

Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada 07 Oktober 2022 (Jumaat) sebelum atau pada jam 12.00 tengahari.

Tawaran yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

1.3 Tempoh Sah Laku Sebut Harga

- a) Tempoh sah laku Sebut Harga adalah **Sembilan Puluh (90) hari** dari tarikh iklan Sebut Harga ditutup.
- b) Dalam keadaan terkecuali, tempoh pengesahan sebut harga yang hampir tamat, Kerajaan akan meminta Penyebut Harga untuk menyambung tempoh pengesahan sebut harga tersebut. Permintaan ini dan maklum balasnya mestilah dibuat secara bertulis.
- c) Penyebut Harga yang bersetuju dengan permintaan ini tidak akan dikehendaki atau dibenarkan mengubahsuai sebut harganya tetapi dikehendaki untuk melanjutkan tempoh pengesahan sebut harganya.
- d) Harga tawaran tidak boleh diubah dalam tempoh sah asal tawaran atau tempoh lanjutan sekiranya diberikan.

1.4 Pindaan

Kerajaan berhak meminda atau membatalkan mana-mana dokumen yang membentuk sebahagian daripada pelawaan Sebut Harga ini, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu tanpa menguatkuasakan perubahan dalam polisi atau membetulkan mana-mana yang silap, tertinggal, tidak jelas atau tidak selaras yang mungkin timbul selepas pelawaan Sebut Harga ini dikeluarkan.

1.5 Dokumen Sebut Harga

- a) Dokumen Sebut Harga akan menjadi sebahagian daripada kontrak dan tiada pindaan akan dibuat pada mana-mana bahagian di dalam dokumen Sebut Harga ini melainkan mendapat kelulusan daripada Pengawai Penguasa.
- b) Harga-harga dalam Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos berkaitan bagi perkhidmatan kafeteria sempurna. Pengusaha hendaklah meletakkan harga tawaran (sewa kafeteria bulanan) serta senarai makan minum untuk dijual.
- c) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan atau perubahan harga akibat daripada perubahan kos di dalam pasaran semasa.

1.6 Tawaran Dan Penolakan Sebut Harga

Pejabat Daerah/Tanah Klang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dan tiada sebab akan diberi di atas penolakan mana-mana Sebut Harga tersebut.

1.7 Peraturan Perkhidmatan

Penyebut harga yang berjaya hendaklah memulakan perkhidmatan pada tarikh seperti yang diarahkan secara bertulis oleh Pejabat Daerah/Tanah Klang. Sekiranya pengusaha gagal memulakan perkhidmatan selepas 7 hari dari tarikh yang ditetapkan, Pengurusan PDTK berhak untuk membatalkan kontrak tersebut.

1.8 Tempoh Sewaan

Sekiranya Penyebut Harga gagal mematuhi syarat di para 1.5 yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga tanpa apa-apa sebab yang munasabah, Kerajaan berhak membatalkan kontrak tersebut. Tempoh sewaan premis adalah selama 24 bulan (2 tahun).

1.9 Perubahan Perkhidmatan

- a) Pihak Pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Klang Pihak Pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Klang boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendaki sesuatu perubahan perkhidmatan dengan secara bertulis atau secara lisan.
- b) Semua perubahan perkhidmatan atau perkhidmatan tambahan yang dikehendaki Pejabat Daerah/Tanah Klang akan dipersetujui terlebih dahulu oleh Pengurusan PDTK melalui perbincangan bersama pengusaha kantin, akan tetapi tiada perubahan atau tambahan tuntutan pada perubahan atau penambahan perkhidmatan tersebut.

1.10 Perjanjian Kontrak

- a) Penyebut harga yang berjaya adalah dikehendaki mengikat kontrak dengan PDTK bagi **Perkhidmatan Pengendalian Kafeteria**. Denda akan dikenakan dalam kontrak jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak supaya pembekalan dan penghantaran bekalan dilaksanakan dengan baiknya. Berdasarkan perjanjian kontrak, penerimaan PDTK disertai dengan pengesahan pembekal yang berjaya akan terikat dengan kontrak di antara PDTK dengan penyebut harga tanpa mengambil kira perjanjian kontrak disediakan/dilaksanakan atau tidak dilaksanakan.
- b) harga yang berjaya mesti menanggung sendiri risiko berkenaan kontrak mengikut syarat-syarat, spesifikasi dan jadual sebahagiannya mestilah menurut status, peraturan atau melalui undang-undang dan keperluan mana-mana kebenaran

1.11 Peraturan Bayaran

Bayaran sewaan dan utiliti (elektrik dan air) perlu dimajukan ke Unit Kewangan pada setiap awal bulan ke Pentadbiran ini (Unit Pentadbiran Am, BKP).

1.12 Harga Tawaran

- a) Harga-harga yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun serta kos tambahan yang berkaitan seperti pembungkusan, penghantaran dan lain-lain kos yang bersangkutan dengan perkhidmatan yang ditawarkan.
- b) Kadar harga yang ditawarkan dalam Jadual Harga di Lampiran H adalah hasil daripada perkiraan yang dibuat berdasarkan spesifikasi yang terkandung dalam Lampiran ini. Semua item yang disenaraikan dalam Lampiran ini perlu diisi. Jika terdapat item yang tidak dikenakan bayaran, maka Penyebut Harga perlu menyatakannya sebagai "tidak dikenakan bayaran bagi item ini".
- c) Harga sewaan bulanan Kafeteria PDK adalah sebanyak **RM530.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Tiga Puluh Sahaja)**.
- d) Bil elektrik dan bil air hendaklah dibayar oleh Pengusaha Kafeteria dan ianya tidak termasuk di dalam harga sewaan.

1.13 Pematuhan Kepada Arahan Keselamatan Dan Peraturan

Pengusaha Kafeteria hendaklah mematuhi segala syarat-syarat berkaitan dengan keselamatan di tapak kerja semasa menjalankan perkhidmatan dan lain-lain peraturan di mana perkhidmatan sedang dilaksanakan. Sebarang kecuaiian keselamatan dan kemalangan ketika melaksanakan perkhidmatan adalah di bawah tanggungjawab pengusaha sendiri.

1.14 Maklumat Latar Belakang, Kewangan Dan Prestasi Syarikat

- a) Penyebut Harga hendaklah mengambil maklum bahawa Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan Penyebut Harga untuk melaksanakan perkhidmatan, di samping kemunasabahan harga. Justeru itu keupayaan syarikat akan dinilai semasa penilaian Sebut Harga. Penilaian ini akan dibuat berasaskan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, tenaga kerja, prestasi kerja dan bahan pencuci dan kelengkapan pembersihan yang dibekalkan.
- b) Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut Harga ditutup dan akan berkuat kuasa selama dalam tempoh sahlaku Sebut Harga. Harga yang ditawarkan oleh Penyebut Harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa perkhidmatan berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan. Untuk

mbolehkan penilaian dibuat, Penyebut Harga dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan bersama-sama dokumen Sebut Harganya. Dokumen-dokumen ini sangatlah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat ke atas Syarikat. **(Sekiranya Penyebut Harga tidak atau gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan, dokumen Sebut Harganya akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan).**

- c) Sekiranya Penyebut Harga gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen yang berkaitan dan maklumat serta data-data yang tidak dapat disemak kerana ketiadaan atau ketidakcukupan dokumen tersebut, penilaian keupayaan Penyebut Harga dianggap tiada.
- d) Semua borang-borang maklumat hendaklah diisi dengan maklumat yang benar dan data-data yang tepat.
- e) Semua maklumat dan dokumen yang berkaitan hendaklah dikemukakan oleh Penyebut Harga bersama-sama dokumen Sebut Harga sebelum tarikh tutup Sebut Harga dan Penyebut Harga tidak dibenarkan mengemukakannya selepas itu. Sebarang maklumat atau mana-mana dokumen yang diterima selepas Sebut Harga ditutup, tidak akan diambil kira dalam penilaian keupayaan Syarikat.
- f) Sekiranya Penyebut Harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (***withhold***) atau tidak memberikaan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, dokumen Sebut Harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya seperti berikut:
 - i) Menggantung pendaftaran selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
 - ii) Menggantung pendaftaran selama lima (5) tahun bagi kesalahan kedua; dan
 - iii) Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.

1.15 Pematuhan Kepada Undang-Undang Dan Peraturan Kerajaan

Pihak Syarikat adalah dikehendaki mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan yang berkuatkuasa semasa pelaksanaan kerja/perkhidmatan. Kegagalan di dalam mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang tersebut sehingga dikenakan tindakan undang-undang, denda atau seumpamanya adalah di bawah tanggungjawab Syarikat sendiri.

1.16 Pembetulan Kesalahan

Sebarang pindaan atau pembatalan dalam sebut harga oleh penyebut harga oleh penyebut harga selepas dokumen sebut harga dihantar adalah tidak dibenarkan sama sekali.

1.17 Rasuah

- a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Penyebut Harga atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- d) Mana-mana Syarikat atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

1.18 Penamatan Persetujuan

- a) Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Kerajaan boleh terus menamatkan persetujuan. Penyebut Harga juga boleh berbuat demikian dengan cara **bertulis 3 bulan sebelum ingin menamatkan kontrak**;
- b) Jika Penyebut Harga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;
- c) Jika Penyebut Harga itu sebagai orang perseorangan atau, apabila Syarikat itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah Pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu

penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau jika Kontraktor itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurusan bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan - keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan.

Atau

Jika Kerajaan mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Penyebut Harga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Penyebut Harga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan untuk mendapatkan balik ganti rosak.

1.19 Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

Merujuk kepada Surat Arahan Perbendaharaan rujukan S/K.Kew/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld 26 SK. 7 (3) bertarikh 28 Februari 2009.

- i. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- ii. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- iii. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan syarikat atau Penyebut Harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- iv. Mana-mana syarikat atau Penyebut Harga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

1.20 *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan

Perkara ini adalah merujuk kepada Surat Arahan Perbendaharaan rujukan S/K.Kew/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld 29 SK. 6 (11) bertarikh 16 Disember 2010:

- i. Kesemua Penyebut Harga yang menghantar dokumen Sebut Harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa Penyebut Harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat sebagai tanda bahawa beliau adalah individu yang diberi kuasa untuk berurusan dengan pihak Kerajaan bagi urusan perolehan/perjanjian bagi perkara ini.
- ii. Penyebut Harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak kerajaan juga dikehendaki menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat.

-----*(Ruangan Ini Dibiarkan Kosong)*-----

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

1. Tanggungjawab Pengusaha Kafeteria

- 1.1 Pengusaha kafeteria adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga dan mengadakan alat-alat memasak, bekalan gas, kenderaan, tenaga buruh dan lain-lain yang berkaitan untuk mengurus kerja-kerja dibawah kontrak/ sebutharga ini.
- 1.2 Pengusaha kafeteria adalah dikehendaki menggunakan ruang dapur yang disediakan sahaja untuk membuat dan menyediakan makanan. Pembinaan ruang dapur berasingan di luar atau di dalam bangunan Kafeteria adalah tidak dibenarkan. Penggunaan ruang luar kafeteria hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Pegawai Penguasa.
- 1.3 Pengusaha kafeteria adalah bertanggungjawab ke atas kebersihan ruang bangunan yang digunakan dan kawasan sekelilingnya. Semua sisa makanan hendaklah dibuang dengan menggunakan karung/ bungkusan plastik ke tempat yang tidak mengganggu pengguna/ pelanggan iaitu di tempat yang disediakan.
- 1.4 Dewan makan/ kawasan dapur/ tandas/ stor basah atau stor kering/ bilik-bilik di dalam bangunan Kafeteria hendaklah sentiasa bersih. Lantai, longkang serta kawasan sekitarnya hendaklah dicuci sekurang-kurangnya dua kali sehari dan ianya dibawah tanggungjawab pengusaha.

2. Pengendali Makanan

- 2.1 Pengusaha hendaklah memastikan pekerja-pekerja lelaki dan perempuan sentiasa menjaga kebersihan diri seperti kuku pendek, tiada luka, mencuci tangan selepas ke tandas dan seumpamanya. Pengusaha hendaklah memastikan pekerja-pekerja lelaki dan perempuan juga berada dalam keadaan yang kemas, bersih, bertatertib dan tidak berambut panjang (bagi pekerja lelaki), berpakaian seragam, berada dalam keadaan yang sihat dan tidak menghidap penyakit berjangkit. Pekerja perempuan hendaklah sentiasa memakai tudung kepala.
- 2.2 Pengusaha hendaklah memastikan pekerja-pekerja menjalani pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan/ Kesihatan Kerajaan dan mendapat pelalian demam kepialu (*typhoid*) serta kemukakan sijilnya kepada Pentadbiran ini.

3. Premis Kafeteria

- 3.1 Apabila tamat tempoh perkhidmatan kontrak, pengusaha WAJIB membersihkan semua kawasan yang digunakan. Dinding di ruang dapur yang hitam disebabkan asap semasa memasak hendaklah dibersihkan dan disapu cat seperti warna asal.

- 3.2 Pengusaha adalah dilarang membuat sebarang pindaan terhadap ruang di Kafeteria termasuk juga dengan peralatan yang telah sedia terpasang kecuali dengan kebenaran Pegawai Penguasa.

4. Keceriaan

- 4.1 Pengusaha Kafeteria boleh menambah kemudahan dengan tujuan menarik pelanggan dengan memasang apa-apa yang boleh menambah keceriaan mengikut daya kreativiti atau sistem alat pandang dengar yang sesuai dengan syarat memaklumkan kepada Pentadbiran ini terlebih dahulu dan sedia menerima apa juga teguran bagi tujuan penambahbaikan daripada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- 4.2 Pengusaha Kafeteria WAJIB menghias ruang dalaman kafeteria dengan memilih salah satu konsep hiasan dalaman dengan kerja hiasan bermula dari tarikh kontrak sehingga maksimum 30 hari (TIDAK DIBENARKAN MENGUBAH STRUKTUR ASAL BANGUNAN). Konsep yang dipilih hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Klang. Senarai konsep:
- a. Konsep Kafeteria Dalam Taman; atau
 - b. Konsep Moden Kontemporari; atau
 - c. Konsep Bistro; atau
 - d. Konsep Inggeris; atau
 - e. Konsep Tradisional Kampung; atau
 - f. Konsep Klasik.

5. Waktu Operasi

- 5.1 Kafeteria hendaklah dibuka dari jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang pada setiap hari dalam tempoh perjanjian.
- 5.2 Kafeteria juga hendaklah dibuka sekiranya diarah oleh Pentadbiran ini pada bila-bila masa dalam tempoh perjanjian.

6. Perubahan Kerja

Pegawai Penguasa boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan sesuatu perubahan mengikut kesesuaian semasa.

7. Maklumat Latar Belakang, Kewangan Dan Prestasi Pengusaha Makanan.

- 7.1 Pengusaha Makanan hendaklah mengambil maklum bahawa sebutharga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan Pengusaha Makanan untuk melaksanakan perkhidmatan, di samping kemunasabahan harga. Justeru itu keupayaan Pengusaha Makanan akan dinilai semasa penilaian sebutharga. Penilaian ini akan dibuat berasaskan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, tenaga kerja dan prestasi kerja semasa Pengusaha Makanan.

- 7.2 Untuk membolehkan penilaian dibuat, Pengusaha Makanan dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan bersama-sama dokumen sebutarganya. Dokumen-dokumen ini sangatlah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat keatas Pengusaha Makanan. Sekiranya Pengusaha Makanan tidak atau gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan, dokumen sebutarganya akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
- 7.3 Sekiranya Pengusaha Makanan gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen yang berkaitan, maklumat dan data-data yang tidak dapat disemak kerana ketiadaan atau ketidakcukupan dokumen tersebut penilaian keupayaan Pengusaha Makanan dianggap tiada.
- 7.4 Semua borang-borang maklumat hendaklah diisi dengan maklumat yang benar dan data-data yang tepat.
- 7.5 Semua maklumat dan dokumen yang berkaitan hendaklah dikemukakan oleh Pengusaha Makanan bersama-sama dokumen sebutarga sebelum tarikh tutup sebutarga dan Pengusaha Makanan tidak dibenarkan mengemukakannya selepas itu. Sebarang maklumat atau mana-mana dokumen yang diterima selepas sebutarga ditutup, tidak akan diambil kira dalam penilaian keupayaan Pengusaha Makanan.
- 7.6 Sekiranya Pengusaha Makanan didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (*withhold*) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, dokumen sebut harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.
- 7.7 Menanggung pembayaran jika berlaku kerosakan dan membaik pulih akibat kecuaiian pengusaha makanan.
- 7.8 Hendaklah melantik pekerja daripada warga tempatan dan bukan di kalangan warga asing. Pengusaha Makanan boleh menggunakan tenaga kerja warga asing dengan syarat mematuhi perundangan sedia ada termasuk permit bekerja yang sah dan perlu menjalani suntikan dan pemeriksaan perubatan.

8. Penamatan Kontrak

- 8.1 Pegawai Penguasa berhak pada bila-bila masa menamatkan kontrak ini dengan memberi notis kepada Pengusaha Makanan. Pengusaha Makanan juga boleh berbuat demikian dengan cara bertulis sebelum ingin menamatkan kontrak.

9. Pematuhan Kepada Undang-Undang Dan Peraturan Kerajaan

9.1 Pengusaha Makanan adalah dikehendaki mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan yang berkuatkuasa semasa pelaksanaan kerja/ perkhidmatan. Kegagalan didalam mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang tersebut sehingga dikenakan tindakan undang-undang, denda atau seumpamanya adalah dibawah tanggungjawab Pengusaha Makanan sendiri.

10. Hidangan

10.1 Memastikan bahawa makanan disediakan, dimasak dengan sempurna dan disajikan dengan mengambil kira aspek kesihatan dan kebersihan seperti mana yang terdapat pada kod amali kebersihan makanan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 1980.

10.2 Memastikan makanan yang dimasak atau yang dimakan terus hendaklah diasingkan penyimpanannya daripada makanan mentah.

10.3 Proses penyediaan makanan dilakukan di tempat yang tinggi, bersih dan kalis air.

10.4 Penyimpanan makanan di dalam peti sejuk hendaklah teratur dan bersih.

10.5 Memastikan dan mengambil kira 'nilai-tambah' supaya ianya terhidang secara menarik dan menyelerakan.

10.6 Hidangan makanan hendaklah terdiri daripada jenis yang pelbagai, berkhasiat dengan kadar harga yang berpatutan.

10.7 Harga bagi setiap hidangan makanan perlulah berpatutan, dipersetujui oleh pihak Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah/Tanah Klang dan dipamerkan dengan jelas untuk pengetahuan pelanggan.

10.8 Makanan yang dijual hendaklah terdiri daripada makanan halal dan diluluskan oleh Jabatan Agama Islam, Malaysia.

10.9 Wajib menyediakan makanan istimewa seminggu sekali (*Menu of the week*) sepanjang tempoh pelaksanaan kontrak ini.

10.10 Konsep gerai (*stall*) amat digalakkan. Ruang di sekitar dalam kafeteria digalakkan untuk menempatkan gerai pelbagai juadah [makanan yang dipanggang/dibakar (dengan kebenaran terlebih dahulu), Roti John / Kebab, ABC / Cendol / *Ice Blended*].

11. Peralatan

11.1 Menyediakan peralatan sajian termasuk kutleri dan tisu (*serviette*) yang mencukupi, tanpa pelanggan perlu menunggu.

- 11.2 Menyediakan peralatan sajian “pakai-buang” bagi kemudahan pelanggan yang ingin membawa makanan dan minuman keluar kafeteria.
- 11.3 Menyediakan segala peralatan memasak, pinggan mangkuk dan kelengkapan lain dan yang difikirkan sesuai dengan perbelanjaan sendiri.
- 11.4 Tidak dibenarkan menggunakan *polisterine* untuk membungkus makanan.
- 11.5 Semua peralatan dan perkakas untuk penyediaan makanan hendaklah: Bersih, mudah dicuci dan kalis air, dalam keadaan sempurna. Pinggan mangkuk hendaklah dicuci di tempat tinggi dan bukan di atas lantai dan peralatan yang tidak digunakan hendaklah dikeluarkan dari premis bagi mengurangkan kesesakan.

12. Pembersihan dan Pembuangan Sisa

- 12.1 Semua kerja-kerja pembersihan di dalam kawasan kafeteria termasuk *grease/floor trap*, lubang *air-cond*, hud dapur, membersihkan tingkap/pintu, membersihkan meja, pinggan dan lantai adalah di bawah tanggungjawab pengusaha kafeteria yang dilantik.
- 12.2 Mengumpul semua sisa makanan ke dalam bekas yang sesuai secara *hygienic* sebelum dibuang dan menguruskan pembuangan sisa-sisa makanan di tempat yang dibenarkan.
- 12.3 Memastikan seluruh kawasan dapur utama termasuk kawasan membasuh berada dalam keadaan bersih dan tidak licin.
- 12.4 Memastikan lantai keseluruhan ruang kafeteria sentiasa bersih dan dimop sekurang-kurangnya dua kali sehari.
- 12.5 Memastikan semua peralatan kafeteria, termasuk pinggan mangkuk, kutleri dan sebagainya dicuci segera dan berada dalam keadaan bersih dan selamat digunakan.
- 12.6 Memastikan bahawa semua bahan buangan dan sampah sarap dibawa dari kawasan kafeteria dan dapur-dapur berkaitan ke tempat yang ditentukan atau dibenarkan, untuk proses pembuangan.
- 12.7 Menyediakan kakitangan pembersihan yang mencukupi.
- 12.8 Memastikan kebersihan ruang cuci tangan dan sabun.
- 12.9 Tong sampah hendaklah disediakan secukupnya lengkap dengan beg plastik dan penutup yang sempurna.

13. Kebersihan Am, Infestasi dan lain-lain

- 13.1 Premis hendaklah dipastikan sentiasa berada dalam keadaan yang bersih, baik dan teratur.
- 13.2 Langkah-langkah pencegahan dan penghapusan tikus, lalat dan lipas hendaklah dijalankan terutamanya di tempat penyimpanan makanan dan bahan mentah.

14. Penyediaan dan Sajian Makanan

- 14.1 Penyediaan makanan adalah berkonsepkan “masak-hidang”.
- 14.2 Bahan-bahan mentah disediakan di bahagian-bahagian yang ditetapkan.
- 14.3 Penggunaan beberapa jenis makanan “*prepacked/convenience*” boleh digunakan.
- 14.4 Enam (6) hidangan dimasak dan disajikan paling hampir (antara ½ - ¾ jam) pada waktu sajian yang ditetapkan.
- 14.5 Memastikan meja dan kerusi pelanggan sentiasa bersih dan digalakkan mengalas semua meja.

15. “Limitation of Operators”

- 15.1 Pengusaha kafeteria tidak dibenarkan:
 - i. Menjual sebarang rokok, menghisap rokok atau membenarkan orang lain merokok di dalam ataupun berdekatan ruang niaga tersebut;
 - ii. Membawa orang luar bagi menjalankan operasi atau apa apa aktiviti;
 - iii. Membawa keluar atau menyimpan kunci bagi premis di mana mereka ditempatkan, kecuali dengan kebenaran. Kunci-kunci perlu diserahkan kembali kepada pihak Penyelenggara atau Keselamatan atau disimpan di pejabat berkenaan;
 - iv. Menjalankan operasi sampingan (contohnya menjual barangan runcit) di dalam kafeteria selain daripada operasi yang ditetapkan tanpa mendapat pertimbangan dan kelulusan daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah/Tanah Klang.
 - v. Menconteng, memotong atau merosakkan mana-mana bahagian dinding atau lantai urus niaga dan juga, tanpa mendapat kebenaran daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah/Tanah Klang, membuat apa-apa perubahan mengenai susunan dalaman atau mengenai bentuk luar ruang niaga tersebut.

16. Hak Penjualan

- 16.1 Pengusaha kafeteria adalah diberi hak oleh Kerajaan untuk menjual dan menyaji makanan dan minuman kepada pelanggan mengikut waktu perniagaan yang telah ditetapkan.
- 16.2 Pengusaha kafeteria hendaklah mempamerkan senarai harga jualan makanan dan minuman di tempat yang terang dan mudah dilihat bagi kemudahan para pelanggannya. Apa-apa pindaan kepada harga makanan dan minuman tidak boleh dibuat oleh Pengusaha kafeteria kecuali dengan mendapat persetujuan secara bertulis terlebih dahulu daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah/Tanah Klang

17. Pengambilan Pekerja

- 17.1 Pengusaha Kafeteria hendaklah melantik pekerja yang bersih, efisien dan peramah kepada para pelanggannya atas perbelanjaannya sendiri dan hendaklah mematuhi prosedur dan polisi Kerajaan dan pihak Kerajaan tempatan serta undang-undang yang berkuat kuasa mengenai pengambilan pekerja.
- 17.2 Pengusaha Kafeteria hendaklah memastikan kesemua pekerja atau kakitangannya adalah efisien dan mencukupi supaya perkhidmatan urus niaga kafeteria itu berjalan dengan lancar dan memuaskan Kerajaan dan para pelanggannya.
- 17.3 Pengusaha Kafeteria hendaklah sentiasa memberi latihan serta kursus yang mencukupi kepada pekerjanya mengenai etika perkhidmatan layanan yang sempurna, cekap dan menyenangkan kepada pelanggannya.
- 17.4 Pengusaha Kafeteria hendaklah mengemukakan satu senarai yang lengkap mengenai kesemua pekerjanya kepada Kerajaan dari masa ke semasa apabila diminta segala syarat kelayakan masing-masing.
- 17.5 Pengusaha Kafeteria hendaklah mengemukakan perakuan telah mengambil suntikan **TYPHIM VII** untuk semua pekerja di Kafeteria kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah/Tanah Klang.
- 17.6 Pengusaha Kafeteria hendaklah sentiasa memastikan bahawa perkhidmatan layanan yang cekap diberikan adalah penuh berdisiplin, bersopan santun dan cekap.
- 17.6 Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah/Tanah Klang, tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak bagi apa-apa tuntutan untuk mendapatkan upah atau ganti rugi yang timbul daripada pemberhentian mana-mana pekerjanya oleh Pengusaha kafeteria.

18. Pakaian Seragam

- 18.1 Pengusaha Kafeteria hendaklah bertanggungjawab memastikan semua pekerjaanya **WAJIB** memakai rekabentuk apron yang sama, penutup kepala dan tanda nama;
- 18.2 Pakaian pekerja hendaklah sentiasa bersih dan berada dalam keadaan baik, kemas dan teratur pada setiap masa.

19. Kelengkapan Dan Kebersihan Kafeteria

- 19.1 Pengusaha Kafeteria hendaklah menyediakan segala peralatan memasak, pinggan mangkuk dan kelengkapan lain dan yang difikirkan sesuai dengan perbelanjaan sendiri.
- 19.2 Pengusaha Kafeteria hendaklah memastikan bahawa segala kerusi meja makan di dalam kafeteria berada dalam keadaan kemas dan bersih pada setiap masa bagi penggunaan, keselesaan dan kesenangan pelanggannya.
- 19.3 Pengusaha Kafeteria adalah dilarang menjual sebarang rokok dan dilarang untuk menghisap rokok atau membenarkan orang lain merokok di dalam atau berdekatan ruang kafeteria. Oleh itu, menyediakan kawasan untuk merokok di dalam atau di luar kafeteria adalah dilarang sama sekali. **(Semua Premis Kerajaan Adalah Kawasan Larangan Merokok)**
- 19.4 Pengusaha Kafeteria hendaklah bertanggungjawab memastikan kafeteria itu sentiasa berkeadaan elok, bersih dan baik pada setiap masa untuk penggunaan serta keselesaan pelanggannya.
- 19.5 Pengusaha Kafeteria hendaklah menjamin dan bertanggungjawab ke atas kesemua barang-barang yang dibekalkan oleh Kerajaan di dalam kafeteria itu. Sekiranya berlaku apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada barang-barang tersebut, maka Kerajaan hendaklah berhak membuat tuntutan terhadap Penyewa, kerugian bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan atau pembaikan kepada barang-barang tersebut.
- 19.6 Pengusaha Kafeteria hendaklah menggunakan kain basah dan serbuk pencuci untuk mencuci semua dinding, tingkap dan pintu menggosok lantai bangunan kafeteria dan jalan masuk sekurang-kurangnya sekali sehari.
- 19.7 Pengusaha Kafeteria adalah bertanggungjawab untuk menyediakan perangkap / penapis sisa makanan di setiap singki dapur / singki cuci pinggan.
- 19.8 Pengusaha Kafeteria adalah bertanggungjawab untuk mencuci bersih lubang penyaman udara, hud dapur, dinding dan lantai tempat memasak.

- 19.9 Pengusaha Kafeteria adalah bertanggungjawab memastikan semua sampah basah dan sisa makanan dimasukkan terlebih dahulu di dalam beg plastik yang tahan bocor / kuat dan dibuang di dalam tong sampah yang telah dikhaskan oleh pihak penyelenggara kompleks pada hari berkenaan juga.
- 19.10 Pengusaha Kafeteria adalah sentiasa dibenarkan menggunakan kemudahan gas dan / atau elektrik untuk memasak makanan dan memanaskan mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan.

20. Larangan Serah Hak Dan Sebagainya

- 20.1 Pengusaha Kafeteria tidak boleh menyerah hak, menyewakan atau menyerahkan apa-apa hak milik kafeteria atau mana-mana bahagiannya, tanpa persetujuan secara bertulis terlebih dahulu daripada Pegawai Penguasa di Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah/Tanah Klang.

21. Larangan Menggunakan Kafeteria Untuk Tujuan Lain

- 21.1 Pengusaha Kafeteria tidak dibenarkan menggunakan kafeteria itu, atau membiarkan kafeteria itu atau mana-mana bahagiannya digunakan bagi maksud lain daripada perniagaannya seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian ini melainkan operator kafeteria mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Pegawai Penguasa.

22. Larangan Pengubahsuaian Dan Sebagainya

- 22.1 Pengusaha Kafeteria tidak boleh merosakkan, memotong atau mencacatkan mana-mana dinding atau lantai mana-mana bahagian kafeteria itu atau membuat apa-apa perubahan atau pengubahsuaian kepada susunan bahagian dalam atau rupa kafeteria itu tanpa persetujuan secara bertulis daripada Pegawai Penguasa.

23. Pemeriksaan Oleh Kerajaan

- 23.1 Pegawai Penguasa di Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah pada bila-bila masa mempunyai hak kebebasan keluar dan masuk kafeteria itu bagi tujuan pemeriksaan kafeteria itu atau mana-mana terma Perjanjian atau perkhidmatan yang diberikan oleh Pengusaha Kafeteria.

24. Larangan Membuat Kacau Ganggu

- 24.1 Pengusaha Kafeteria tidak dibenarkan membuat atau membenarkan dibuat di dalam atau di sekitar kafeteria itu apa-apa jua yang mungkin menimbulkan kacau ganggu, kegusaran atau gangguan kepada pelanggan-pelanggan atau lain-lain penghuni dalam bangunan tersebut pada bila-bila masa, termasuk memberi makan/minum kepada haiwan.

25. Larangan Mempamerkan Iklan Dan Sebagainya

25.1 Pengusaha Kafeteria tidak dibenarkan mempamerkan apa-apa bentuk iklan atau apa-apa tanda perniagaan di sebelah luar kecuali papan namanya daripada bentuk dan sifat yang akan diluluskan oleh Kerajaan dan diletakkan di suatu tempat yang dinyatakan dan disediakan oleh Kerajaan.

26. Setuju Terima Sebut Harga

26.1 Kerajaan tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebut Harga berhubung sebab – sebab Penyebut Harga tidak berjaya.

27. Perubahan Syarat-Syarat

27.1 Kerajaan sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh Kerajaan, peralatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.

27.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran, maka harga peralatan yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua – dua pihak secara bertulis.

28. Keputusan Sebut Harga Adalah Muktamad

28.1 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari Penyebut Harga-Penyebut Harga. Keputusan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan sebut harga ini tidak akan dilayan.

29. Pertikaian

29.1 Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Kerajaan dengan Syarikat mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Kerajaan dengan Syarikat, dirujuk kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh Kerajaan dan seorang oleh Syarikat. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

30. Pengosongan Kafeteria Apabila Tamat Perjanjian

30.1 Pengusaha Kafeteria hendaklah apabila tamatnya Perjanjian ini mengosongkan kafeteria itu dengan serta-merta atau dalam satu tempoh masa yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri.

31. Pencegahan Penularan Pandemik Covid-19

31.1 Pengusaha Kafeteria hendaklah sentiasa memastikan menyediakan *sanitizer* serta keperluan lain yang berkaitan di pintu masuk Kafeteria PDK.

31.2 Pengusaha Kafeteria hendaklah sentiasa memastikan peraturan penjarakan fizikal serta pemakaian *face mask* di kalangan pekerja dan pelanggan sentiasa dipatuhi dan meletakkan label peringatan di meja, kaunter, kerusi, lantai atau tempat yang bersesuaian sebagai peringatan kepada pekerja dan pelanggan.

31.3 Pelanggan atau pekerja yang mengalami gejala atau tidak sihat ditegah dan tidak dibenarkan sama sekali memasuki Kafeteria tersebut.



PEJABAT DAERAH /TANAH KLANG

DOKUMEN HARGA

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

Semua butir-butir di dalam Borang ini mestilah diisi oleh Penyebut Harga dengan betul dan lengkap dan dikembalikan semula bersama-sama dengan Dokumen Tawaran Sebut Harga. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan Dokumen Tawaran Sebut Harga ditolak. Sila isikan maklumat yang berkenaan dan nyatakan "TIDAK BERKENAAN" jika tiada maklumat.

***Untuk Kegunaan Jabatan

BIL. SEBUT HARGA / TENDER :

T/Tangan :
Tarikh :

T/Tangan :
Tarikh :

T/Tangan :
Tarikh :

JADUAL TAWARAN HARGA (WAJIB DIISI)

PERKHIDMATAN MENGURUS KAFETERIA DAN MENYEDIAKAN MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN – NO SEBUT HARGA: PDTK / KP / 10 / 2022

HARGA MINUMAN

BIL.	BUTIRAN	HARGA SEUNIT YANG DITAWARKAN (RM / SEN)
B1 MINUMAN		
1	Teh O	
2	Teh O Ais	
3	Teh	
4	Teh Ais	
5	Kopi	
6	Kopi O	
7	Kopi O Ais	
8	Milo	
9	Milo Ais	
10	Horlicks	
11	Horlicks Ais	
12	Nescafe	
13	Nescafe Ais	
14	Nescafe O	
15	Nescafe O Ais	
16	Air Kosong (Suam)	
17	Air Kosong (Ais)	
18	Air Kordial Berperisa (Ais)	
19	Air Bandung (Ais)	
20	Air Limau (Suam)	
21	Air Limau (Ais)	
22	Air Dalam Botol	
23	Air Dalam Tin	
24	Air Dalam Kotak	
25	Lain-lain minuman (<i>Sila Nyatakan</i>)	

HARGA KUIH-MUIH

BIL.	BUTIRAN	HARGA SEUNIT YANG DITAWARKAN (RM / SEN)
B2. MAKANAN RINGAN		
1	Kuih Bingka Ubi	
2	Kuih Talam	
3	Kuih Keria	
4	Kuih Lapis	
5	Kuih Gulung	
6	Kuih Buah Melaka	
7	Kuih Cucur Udang	
8	Kuih Pulut Panggang	
9	Kuih Pau	
10	Kuih Apam Kukus	
11	Kuih Apam Balik	
12	Kuih Koci	
13	Kuih Donut	
14	Kuih Popia Goreng	
15	Kuih Popia Basah	
16	Kuih Bom	
17	Kuih Cucur Badak	
18	Kuih Bakar	
19	Pisang Goreng	
20	Keledek Goreng	
21	Keladi Goreng	
22	Cempedak Goreng	
23	Tauhu Sumbat	
24	Lain-lain makanan ringan: (<i>Sila Nyatakan</i>)	

HARGA MAKANAN PANAS / LAUK-PAUK

BIL.	BUTIRAN	HARGA SEUNIT YANG DITAWARKAN (RM / SEN)
B3 MAKANAN BERAT		
1	Mee Hoon Goreng	
2	Mee Hoon Sup	
3	Mee Hoon Bandung	
4	Mee Rebus	
5	Mee Hailam	
6	Mee Kari	
7	Mee Soto	
8	Kueh Teow Goreng	
9	Kueh Teow Sup	
10	Kueh Teow Kantonis	
11	Char Kueh Teow	
12	Laksa Penang	
13	Roti Canai Kosong	
14	Roti Canai Telur	
15	Roti Canai Sardin	
16	Sandwich Telur	
17	Sandwich Tuna/ Sardin	
18	Sup Ekor Lembu	
19	Sup Lembu	
20	Sup Ayam	
21	Sup Wan-Tan	
22	Tom Yam	
23	Sayur Goreng	
24	Sayur Campur	
25	Sayur Air	
26	Sayur Lemak	
27	Ikan Bilis Goreng	
28	Ikan Masin	
29	Ulam-ulaman	
30	Sambal Belacan	
31	Tempe Goreng Bercili	
32	Ikan Cencaru Bakar	
33	Ikan Cencaru Goreng	
34	Ikan Cencaru Sambal	
35	Ikan Pari Bakar	
36	Ikan Keli Masak Lemak	
37	Ikan Keli Goreng	
38	Ikan Keli Sambal	

BIL.	BUTIRAN	HARGA SEUNIT YANG DITAWARKAN (RM / SEN)
39	Ikan Kerisi Goreng	
40	Ikan Kerisi Bercili	
41	Ikan Pari Assam Pedas	
42	Ikan Pari Goreng	
43	Ikan Pari Lemak	
44	Ikan Tenggiri Goreng	
45	Ikan Bawal Goreng	
46	Ikan Bawal Sambal	
47	Ikan Kembung Goreng	
48	Ikan Kembung Sambal	
49	Ikan Kembung Bakar	
50	Udang Sambal Tumis	
51	Udang Masak Lemak	
52	Sotong Sambal Tumis	
53	Sotong Goreng Tepung	
54	Sotong Tom Yam	
55	Telur Mata Kerbau	
56	Telur Dadar	
57	Sambal Tumis Telur	
58	Telur Rebus	
59	Telur Masak Lemak	
60	Ayam Goreng	
61	Ayam Masak Kicap	
62	Ayam Masak Merah	
63	Kari Ayam	
64	Rendang Ayam	
65	Ayam Goreng Berempah	
66	Ayam Sup	
67	Ayam Kurma	
68	Ayam Percik	
69	Sup daging	
70	Rendang Daging	
71	Kari Daging	
72	Daging Masak Kicap	
73	Daging Kurma	
74	Daging Tom Yam	
75	Daging Masak Merah	
76	Daging Black Pepper	
77	Nasi Lemak (nasi, telur, kacang, ikan bilis, timun dan sambal)	
78	Nasi Putih	
79	Nasi Separuh	
80	Nasi Putih Tambah	
81	Nasi Goreng (nasi, telur, timun, sup)	
82	Nyatakan jenis Nasi Goreng yang ditawarkan:	

LAMPIRAN H

BIL	BUTIRAN	HARGA SEUNIT YANG DITAWARKAN (RM / Sen)
B4 LAIN-LAIN		
1	Goreng Pisang / Keladi / Keledek / Cengkodok	
2	Bubur Kacang	
